

05 NOV 1996
RENCANA BERNAMA
PROSPEK DAN RISIKO PERLADANGAN HUTAN

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR; -- Penanaman pokok hutan secara perladangan sebagai alternatif kepada balak hutan asli semakin hangat diperbualkan sejak kebelakangan ini, terutama di kalangan pengusaha ladang dan pekebun kecil di seluruh negara.

Bahkan, sebilangan daripada mereka, terutama di Sabah, Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan telah memberanikan diri untuk melabur dalam bidang baru itu.

Ini berikutan liputan meluas oleh akhbar-akhbar dan kempen besar-besaran oleh pengusaha atau pembekal anak benih untuk mempromosikan penanaman pokok-pokok itu, terutama daripada jenis yang cepat membesar dan bermutu tinggi seperti sentang dan jati.

Minat kepada bidang baru itu meningkat apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat Terengganu baru-baru ini menyarankan agar tanah terbiar di kampung-kampung ditanam dengan pokok sentang dan jati.

Selain boleh mencapai ketinggian kira-kira 3 meter setahun, kedua-dua spesies pokok itu dikatakan mempunyai nilai komersial yang sangat tinggi, yang jika diusahakan dengan serius dapat membendung penghijarahan tenaga pekerja dari desa ke kota dan sekali gus membasmi kemiskinan daripada segi jangka panjang.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) Datuk Dr Abdul Razak Mohd Ali berkata, sehingga ini tiada bandingan tepat dapat dibuat berhubung pulangan yang bakal diperolehi daripada aktiviti itu kerana pada ketika ini semua penanaman sentang dan jati secara besar-besaran di negara ini adalah dalam lingkungan kurang daripada lima tahun.

"Pada masa ini kedua-dua jenis kayu itu belum terdapat di pasaran tempatan. Jadi apa juga jumlah pulangan yang diperkatakan sekarang adalah anggaran semata-mata," katanya.

Seorang pengusaha ladang hutan terkemuka di Sabah menganggarkan sehektar tanaman jati boleh menghasilkan sehingga lebih sejuta ringgit menerusi penebangan berperingkat-peringkat dalam tempoh 20 tahun.

Seorang pengusaha dari Semenanjung pula menganggarkan sehektar ladang sentang boleh menghasilkan pulangan sehingga RM250,000 sehektar dalam tempoh 10 tahun, hampir sama dengan anggaran yang dibuat oleh kerajaan negeri Terengganu, yang kini giat mempromosikan penanaman sentang dan jati di kalangan pekebun kecilnya.

Dr Abdul Razak berkata, walaupun belum ada anggaran yang seragam dan tepat setakat ini, penyelidikan Frim telah menghasilkan beberapa penemuan positif yang menunjukkan penanaman kedua-dua spesies pokok hutan itu satu pelaburan yang menguntungkan.

Katanya, kayu sentang adalah dari satu keluarga dengan kayu mahogani yang mempunyai pasaran yang tinggi di luar negeri, terutama Amerika Syarikat dan warna kemerah-merahannya seakan-akan kayu nyatoh, yang sangat sesuai untuk perabot.

"Seperti nyatoh yang kini berharga kira-kira RM600 setan, kita yakin sentang juga boleh mendapat harga pasaran dan permintaan yang tinggi pada masa hadapan," katanya.

Dr Abdul Razak berkata, kayu jati pula memang sudah terkenal di seluruh dunia sehingga jati terbaik dari Myanmar boleh mencecah harga US\$5,000 setan di pasaran antarabangsa.

Walaupun mutu kayu jati yang bakal dikeluarkan di negara ini belum dapat dipastikan, beliau yakin harga pasarannya kelak tidak kurang daripada RM1,000 setan.

Berdasarkan penghasilan kira-kira 80 tan sehektar dan harga pasaran RM600 setan bagi sentang serta RM1,000 setan bagi jati, Frim menganggarkan pendapatan daripada penanaman pokok-pokok itu ialah di antara RM50,000 dan R80,000 sehektar.

Beliau berkata, walaupun anggaran Frim itu kelihatan rendah, penanaman sentang dan jati tetap menguntungkan jika dibandingkan dengan tanaman getah atau kelapa sawit yang diusahakan sesetengah pekebun kecil, lebih-lebih lagi jika kawasan yang ditanam mencapai antara 5 dan 10 hektar.

Frim juga mendapati, jumlah penanaman sentang atau jati yang paling ideal bagi setiap hektar ialah kira-kira 830 pokok pada jarak 4 meter X 3 meter.

Bagi menjamin mutu dan pulangan yang tinggi, proses penjarangan perlu dilakukan dengan menebang kira-kira 30 hingga 40 peratus daripada pokok-pokok itu pada usia empat atau lima tahun untuk membolehkan pokok-pokok yang baik mendapat ruang yang mencukupi untuk terus membesar.

Penjarangan kali kedua pada tahun yang kesembilan hingga ke-10 juga perlu dilakukan dengan hanya meninggalkan 300 pokok terbaik pada setiap hektar.

Pada umur 15 tahun pokok-pokok tersebut telah mencapai saiz yang mencukupi untuk ditebang iaitu mempunyai ukuran lilit 30 sentimeter pada paras dada dan ketinggian 25 meter.

Pada saiz itu, jumlah kayu bermutu yang akan diperolehi dari setiap hektar ialah kira-kira 150 meter padu atau kira-kira 0.5 meter padu bagi setiap pokok.

Menurut Dr Abdul Razak, selain faktor pulangan, turut mendorong banyak pihak menceburi bidang baru itu ialah faktor perubahan struktur sosial ekonomi di luar bandar yang sedang melanda negara ini.

Katanya, perkembangan pesat sektor perindustrian telah menyebabkan banyak tenaga pekerja dari luar bandar berhijrah ke bandar, sehingga banyak kebun kecil getah dan tanaman pertanian yang lain terbiar.

"Penanaman sentang dan jati boleh mengatasi masalah itu kerana ia tidak memerlukan pekerja yang banyak dan tahap penjagaannya sangat minimum, sedangkan hasilnya agak lumayan," ujar beliau.

Namun begitu, katanya, pengusaha tanaman hutan itu juga terpaksa berhadapan dengan pelbagai risiko, termasuk kemungkinan tiada permintaan atau permintaan yang rendah bagi kayu-kayu jenis itu.

Risiko lain yang mungkin dihadapi pengusaha-pengusaha itu ialah bencana alam, kesilapan teknikal seperti pemilihan baka yang tidak baik, pengurusan silvikultur yang tidak cekap atau pemilihan spesies yang tidak sesuai.

Golongan yang mungkin terjejas teruk jika berlaku demikian ialah pengusaha yang melabur secara besar-besaran.

Dr Abdul Razak berpendapat, kerajaan perlu menyediakan insentif yang lebih menarik bagi mengurangkan tekanan risiko itu dan menggalakkan mereka terus melabur.

Pada masa ini insentif yang ada termasuk pemberian status perintis dengan dikecualikan cukai selama 10 tahun dan elaun cukai pelaburan membabitkan pengecualian cukai 100 peratus dari pelabur selama lima tahun.

Bagi pengusaha dari kalangan pekebun kecil yang bergantung penuh kepada pendapatan dari hasil tanahnya, Frim berpendapat mereka patut digalakkan mengguna sistem hutan-tani iaitu menanam pokok hutan itu bersama tanaman pertanian yang lain atau menternak haiwan untuk menjamin hasil berterusan.

Kalangan pengusaha yang paling kurang terdedah kepada risiko itu ialah pekebun kecil yang tidak bergantung kepada hasil tanahnya untuk menyara hidup. Mereka wajar digalakkan agar dapat memperhebatkan kegiatan penanaman

pokok-pokok itu.

Walau apapun, Dr Abdul Razak berkata, sesiapa juga yang berminat untuk menceburi bidang penanaman pokok hutan itu perlulah mendapatkan maklumat teknikal dan sistem pengurusan yang tepat daripada pakar-pakar di bidang itu, terutama pegawai perhutanan atau penyelidik dari institusi-institusi penyelidikan seperti Frim dan Universiti Pertanian Malaysia, bagi menjamin kejayaannya kelak. -- Bernama

AM